

22 MAR 2004

Abdullah-kemenangan

ABDULLAH IKRAR BENTUK KERAJAAN KE ARAH MALAYSIA YANG CEMERLANG

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang bersyukur dengan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke 11 yang baru berakhir, berikrar akan membentuk kerajaan yang mampu membawa Malaysia ke arah cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Sesungguhnya kemenangan yang besar ini sangat bererti kepada kita semua ... ini berupa penerimaan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional," katanya dalam ucapan kepada para penyokong parti sejurus selepas BN mencecah kemenangan 146 kerusi pada jam 1.46 pagi ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Angka ajaib itu merupakan jumlah dua pertiga majoriti daripada 219 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Majlis itu disiarkan secara langsung menerusi televisyen.

Abdullah, yang pertama kali mengetuai BN dalam pilihan raya umum sejak memegang jawatan empat bulan lepas, berkata beliau akan memastikan calon-calon BN yang dipilih oleh rakyat akan berkhidmat dengan baik.

Ini selaras dengan etika dan indeks prestasi wakil rakyat BN sepertimana yang diumumkan semasa berkempen.

Sambil melahirkan kesyukuran kerana BN memperolehi kerusi melebihi dua pertiga di Parlimen, Perdana Menteri berkata ia menunjukkan rakyat mengakui keupayaan BN memajukan negara dan menjadikannya aman, makmur dan selamat untuk semua.

Ini terbukti dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan BN di bawah kepimpinan terdahulu termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad yang telah menentukan peralihan kepimpinan berjalan dengan baik apabila menyerahkannya kepada beliau, katanya.

Katanya, peralihan kuasa dalam suasana yang begitu baik dan diterima oleh rakyat telah membolehkan beliau mencadangkan beberapa langkah yang harus diambil dalam pentadbirannya.

Antara langkah-langkah berkenaan termasuk memerangi rasuah, meningkatkan mutu perkhidmatan kerajaan, mengurus ekonomi secara

berhemah
serta memastikan pembangunan tenaga manusia yang berilmu
pengetahuan dan
berdaya saing.

"Usaha-usaha seperti inilah yang menjadikan parti kita dan
kerajaan
kita, bukan sahaja berpengalaman tetapi mampu dan boleh bergerak
secara
dinamik di masa depan," kata Abdullah yang menang besar di Kepala
Batas,
kawasan yang diwakilinya sejak 1978.

Atas keyakinan itulah, katanya beliau telah mengumumkan
pembubaran
Parlimen untuk membolehkan pilihan raya diadakan.

"Pilihan raya ini membuktikan rakyat menerima dan menyokong
rancangan
kita dan menerima manifesto kita ke arah Malaysia yang cemerlang,
gemilang
dan terbilang," kata Abdullah, yang diiringi isterinya Datin Seri
Endon
Mahmood.

Beliau juga gembira kerana pengundi-pengundi muda tampil
mengundi dan
memberi sokongan kepada BN, yang menggabung 14 komponen mewakili
pelbagai
kaum di seluruh negara.

"Mereka (pengundi muda) tahu bahawa mereka adalah tenaga masa
depan
negara kita, mereka tahu jika mereka diharapkan memainkan peranan
besar di
masa depan sebagai generasi yang kompetitif untuk membangun negara,
mereka
pada waktu ini sudah mahu bersama kita," katanya.

Selain menyatakan terima-kasih kepada jentera dan penyokong
parti,
beliau juga memberikan penghargaan kepada Suruhanjaya Pilihan raya
(SPR)
serta polis yang menjalankan tugas dengan baik untuk membolehkan
rakyat
keluar mengundi dengan aman.

-- BERNAMA

MAD AZZ AM